

09 FEB 2002

KAD UCAPAN GERGASI TAHUN BARU CINA DILANCAR

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Bagi menyemarakkan suasana perayaan Tahun Baru Cina, Kelab Cinta Malaysia hari ini melancarkan "Kempen Menandatangani Kad Ucapan Gergasi Tahun Baru Cina 2002" di Esplanade, KLCC di sini.

Anggota Panel Penasihat Perpaduan Negara, Datuk Lee Lam Thye, yang melancarkan kad itu, berkata ia melambangkan usaha murni rakyat untuk menyampaikan kesyukuran kepada keamanan dan keharmonian di negara ini.

Kad gergasi berukuran 8'x 16' itu akan ditempatkan di Esplanade KLCC mulai hari ini hingga 15 Feb untuk ditandatangani oleh orang ramai, katanya kepada pemberita selepas majlis berkenaan.

Ia akan dibawa ke Dataran Merdeka pada 26 Feb sempena majlis sambutan Chap Goh Mei di mana akan turut diadakan acara "Perhimpunan Naga Terbesar" yang bakal dicatatkan dalam Malaysia Book of Records.

Lee menjangkakan lebih 100,000 tandatangan dapat diperolehi sebelum kad itu diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA
RBZ AZZ MOZ